

27 JUN 2000

OIC-Tebusan/I

PENGERUSI ICFM RAYU TEBUSAN SIPADAN DIBEBASKAN

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Pengerusi sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM), Youssof Ouedraogo hari ini merayu kepada kumpulan penculik di Selatan Filipina supaya membebaskan baki 20 tebusan secepat mungkin.

"Kami rasa mereka mesti dibebaskan kerana pada pendapat kami ia perbuatan yang tidak baik," kata Ouedraogo kepada BERNAMA selepas berucap di pembukaan ICFM di sini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini.

Ouedraogo yang juga Menteri Luar Burkina Faso berkata, perbuatan menculik 21 orang pada 23 April lepas dari Pulau Sipadan di Sabah bukan caranya bagi kumpulan bersenjata itu untuk mencapai matlamat perjuangannya.

Masyarakat antarabangsa akan menghargai langkah kumpulan bersenjata itu membebaskan tebusan-tebusan secepat mungkin, kata Ouedraogo yang persidangan kali ini merupakan yang terakhir bagi beliau sebagai pengerusi ICFM.

"Jikapun, mereka mengharapkan apa-apa bentuk ganjaran, politik atau lain, ini perbuatan yang sukar diterima. Kami rasa penyelesaian terbaik ialah membebaskan semua orang yang ditahan itu," katanya.

Salah seorang daripada mangsa culik itu Zulkarnain Hashim, 29, dibebaskan pada Khamis lepas.

Ouedraogo juga menyeru negara-negara anggota OIC untuk menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Antarabangsa OIC Menentang Keganasan yang diterima di sesi ke 26 ICFM tahun lepas di Ouagadougou, ibu negara Burkina Faso.

Beliau berkata, hanya Mesir dan Arab Saudi yang telah menandatangani perjanjian itu sementara banyak lagi negara dijangka berbuat demikian di persidangan di sini.

Beliau berkata, keganasan, dalam apa sahaja bentuk bukan atas kepentingan keamanan dan kestabilan Ummah.

"Keganasan tidak baik. Kita mahu orang ramai bergerak bersama kebebasan. Apabila ada keganasan, ini tidak mungkin," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

RV TS PR